

**Himpunan Gabungan Janji bukan majoriti, kata Najib  
Malaysian Insider  
31 Ogos, 2012  
Oleh Mohd Farhan Darwis**

BUKIT JALIL, 31 Ogos — Datuk Seri Najib Razak menegaskan bahawa perhimpunan Gabungan Janji yang berlangsung di Dataran Merdeka malam tadi bukanlah himpunan majoriti rakyat Malaysia yang cintakan negara.

Sebaliknya, Perdana Menteri itu menegaskan Himpunan 55 tahun Merdeka "Janji Ditepati" yang diadakan di Stadium Nasional di sini malam ini adalah himpunan majoriti rakyat yang cintakan tanah air.

"Malam tadi bukan golongan majoriti, malam ini malam golongan majoriti," kata Najib ketika berucap sewaktu sambutan malam kemerdekaan merujuk kepada himpunan Gabungan Janji.

Beliau turut menegaskan, perhimpunan pada malam sempena sambutan ulang tahun Kemerdekaan Malaysia ke-55 ini yang dihadiri lebih 100,000 pengunjung itu adalah tanda semangat rakyat yang sayangkan negara ini.

Malah, Najib dalam ucapannya turut memuji mereka yang hadir pada malam itu kerana menunjukkan semangat patriotik yang tinggi tanpa mengira perbezaan masing-masing.

"Kalau ini gambarannya, kita boleh ketepikan perbezaan pendapat dan kefahaman dan bersatu bagi menunjukkan semangat patriotik dan cintakan negara kita dengan menyambut hari Kemerdekaan dan tunjukkan kepada dunia kita rakyat Malaysia yang cinta kepada negara kita," kata Najib merujuk kepada jumlah hadirin yang memenuhi setiap ruang di stadium tersebut.

Gabungan Janji yang merupakan gabungan 47 badan bukan kerajaan NGO dan aktivis Bersih telah menganjurkan Himpunan Gabungan Janji yang berlangsung semalam di Dataran Merdeka sempena sambutan Kemerdekaan ke-55 negara.

Himpunan tersebut yang tamat sejurus detik 12 malam telah berlangsung dengan kehadiran sekitar 5,000 penyokong mereka menunjukkan komitmen kepada demokrasi dengan sempena sambutan Kemerdekaan negara.

Mereka yang menghadiri perhimpunan tersebut turut memakai kemeja T berwarna kuning sebagai menyuarakan sokongan mereka kepada matlamat dan perjuangan Gabungan Janji tersebut.

Sasterawan Negara Datuk A. Samad Said turut membacakan puisi bertajuk "Janji Demokrasi" sebelum perhimpunan tersebut tamat.

Najib dalam ucapannya juga turut menegaskan, himpunan malam ini sebagai kesediaan rakyat negara ini untuk berjuang dan menghadapi setiap rintangan atas semangat cintakan negara.

"Kita semua bersemangat, kita akan terus berjalan dan berjuang, menghadapi apa jua rintangan, pancaroba, cabaran ... malam ini malam majoriti rakyat menunjukkan

semangat mereka cintakan negara," katanya dan disambut dengan jeritan "1 Malaysia" daripada mereka yang hadir.

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/himpunan-gabungan-janji-bukan-major-iti-kata-najib/>